

**PM akhiri jelajah Janji Ditepati
Utusan Online
24 Mac, 2013
Oleh HERMAN HAMID dan SHOFI MAT ISA**

KUANTAN 23 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinannya akan memohon mandat daripada rakyat untuk tempoh lima tahun akan datang berdasarkan penawaran janji-janji ditepati sebaik Parlimen dibubarkan kelak.

Berucap pada siri terakhir Jelajah Janji Ditepati (JJD) di sini malam ini, Najib di hadapan kira-kira 80,000 orang yang memenuhi pekarangan Padang Majlis Perbandaran Kuantan 2 berkata, dengan mandat baru ini, beliau yakin Malaysia akan terus bersinar sebagai sebuah negara berjaya dengan keunggulan negara bakal lebih terserlah.

"Kalau kita dapat menyeberang jambatan melintas sebelah sana (menang pilihan raya umum ke-13), saya yakin dengan mandat baru ini, kerajaan akan melakukan lebih baik lagi untuk lima tahun akan datang. Dalam tempoh empat tahun ini pun kita dapat lihat banyak kejayaan.

"Kerajaan pimpinan BN berjanji kepada rakyat Malaysia, bagi kita lima tahun yang akan datang, kita akan buat lebih hebat lagi. Kita akan bekerja bersungguh-sungguh," katanya.

Sementara itu, Najib mengajak rakyat supaya tidak tertipu lagi sekali dengan janji-janji pembangkang biar pun ditawarkan bulan dan bintang malah syurga sekali pun kerana terbukti banyak yang tidak dapat ditunaikan di negeri dikuasai mereka.

Sebaliknya Perdana Menteri menyeru rakyat supaya menaruh sepenuh kepercayaan kepada kerajaan hari ini yang mampu menjamin kesinambungan dan kestabilan dalam perjalanan menuju negara maju berpendapatan tinggi yang bukan boleh dilakukan dalam masa setahun dua.

"Banyak perkara boleh dikupas tetapi percayalah tuan-tuan, mereka telah janji begitu banyak, malah melangit tinggi, tetapi hari ini rakyat sudah sedar hanya segelintir kecil saja telah ditunai.

"Apakah kita nak terima lagi janji-janji baru mereka? Janji dalam manifesto Pilihan Raya Umum 2008 malah buku jingga yang belum dapat dilaksana kini sudah ditukar hingga dalam manifesto lain, buku jingga lain," jelasnya.

Tegas Perdana Menteri, kecelaruan dalam pembangkang yang menyaksikan pertentangan yang cukup ketara antara parti terlibat termasuk ketiadaan Kabinet bayangan bukanlah ramuan yang mampu membawa negara maju pada masa hadapan.

Katanya, sebab itu, apa yang dikecapi hari ini perlu terus dipertahankan dengan sekali lagi memastikan kesinambungan kerajaan BN bagi memastikan segala pengorbanan dan keringat pemimpin serta perwira terdahulu dapat diteruskan.

"Kita tunggu sahaja bila nak bubar, dah tak sabar lagi, semangat meruap-ruap sekarang, kita semua pendekar, kita tak akan berundur walau seinci pun selagi belum menang, kita akan berjuang habis-habisan pastikan kejayaan kepada kerajaan BN pada hari ini," katanya.

Najib dalam ucapan perasmiannya turut mengumumkan peruntukan RM50 juta untuk membaik pulih jalan raya dan RM50 juta lagi untuk mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di negeri ini.

Sementara itu, Najib berkata, pembukaan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) di Gebeng dekat sini mendapat sokongan penuh Perdana Menteri China yang baharu dilantik, Li Keqiang.

Katanya, perkara itu dimaklumkan Duta Besar China Ke Malaysia, Chai Xi yang mengadakan pertemuan dengan beliau beberapa hari lalu di Putrajaya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Makan Malam dan Pertunjukkan Amal Untuk Dana Bangunan Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan di Stadium Darul Makmur di sini malam ini.

Lebih 10,000 orang terdiri daripada kaum Cina hadir dalam majlis yang turut diserikan oleh artis terkenal Hong Kong, Jackie Chan.

Dalam majlis itu, sebanyak RM300,000 berjaya dikutip untuk disumbangkan kepada Tabung Perwira Lahad Datu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130323/dn_21/PM-lancar-PR1MA-Kuantan-hari-ini